

## RESEARCH ARTICLE

# Integrasi Parti dan Pola Pengundian: Kajian di Kuala Lumpur Semasa Pra-Pilihan Raya Umum ke 14

<sup>1</sup>Muhammad Asri Mohd Ali, PhD, <sup>2</sup>Mohd Mahadee Ismail, PhD, <sup>3</sup>Ahmad Rizal Mohd Yusof, PhD, <sup>4</sup>Muhammad Shamshinor Abd Azzis, PhD, <sup>5</sup>Arvin Tajari, <sup>6</sup>dan Najihah Zainudin

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>4</sup>Universiti Selangor, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

<sup>5</sup>Jabatan Komunikasi dan Pengajian Umum, International Open College, Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>6</sup>Jabatan Pengajian Umum, Sekolah Komunikasi dan Seni Kreatif, KDU University College, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

### Address For Correspondence:

Muhammad Asri Mohd Ali, Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. +6017-6686102; Email: muhasri@um.edu.my.

Received 1 March 2016; accepted 22 May 2016; published 28 May 2016

## ABSTRACT

Sifat mutli-etnik masyarakat di Malaysia menyebabkan pengundi mengutamakan perpaduan. Oleh itu semasa Pilihan Raya Umum (PRU) mereka memilih parti yang mempraktikkan integrasi seperti Barisan Nasional (BN). Hal ini menyebabkan BN sentiasa memenangi PRU di Malaysia sejak merdeka sehingga PRU ke-13 lalu. Namun begitu, semenjak tahun 1999 dan 2008, parti-parti pembangkang mula mempraktikkan politik integrasi dalam kalangan mereka dan berjaya mengurangkan penguasaan majoriti dua pertiga BN semasa PRU12 (2008). Walau bagaimanapun, perkembangan politik yang berlaku selepas PRU13 (2013) menunjukkan parti pembangkang tidak berupaya mengekalkan prinsip integrasi apabila dua parti utama iaitu Democratic Action Party (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah bertelagah. Perpecahan parti pembangkang menyebabkan PRU14 akan menyaksikan persaingan di antara parti Melayu dengan bukan Melayu. Penemuan kajian di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa pengaruh BN masih merosot dan pengundi Melayu belum membuat keputusan parti mana yang mereka akan sokong.

**Key words:** Integrasi Parti, Perilaku Pengundi, politik elektoral

## INTRODUCTION

Proses perkembangan politik integrasi berlangsung secara matang di Malaysia semenjak 1946 sehingga kini, merupakan hasil daripada amalan integrasi antara tiga parti politik utama di negara ini, iaitu, UMNO yang mewakili etnik Melayu, MCA yang mewakili etnik Cina, dan MIC yang mewakili etnik India dalam Parti Perikatan. Integrasi dalam Parti Perikatan mempunyai kaitan rapat dengan usaha pihak penjajah British menerusi penubuhan 'Communities Liaison Committee' (CLC) pada tahun 1948. Antara tujuan utama penubuhan CLC ialah untuk mensosialisasikan elit daripada etnik Melayu, Cina dan India dalam usaha pihak kolonial untuk memerangi ancaman daripada pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) dan memastikan peralihan kuasa berlaku secara aman di negara ini. Proses sosialisasi di kalangan elit pelbagai etnik dalam

### Open Access Journal

Published BY AENSI Publication

© 2016 AENSI Publisher All rights reserved

This work is licensed under the Creative Commons Attribution International License (CC BY).

<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>



Open Access

**To Cite This Article:** Muhammad Asri Mohd Ali, PhD, Mohd Mahadee Ismail, PhD, Ahmad Rizal Mohd Yusof, PhD, Muhammad Shamshinor Abd Azzis, PhD, Arvin Tajari, dan Najihah Zainudin., Integrasi Parti dan Pola Pengundian: Kajian di Kuala Lumpur Semasa Pra-Pilihan Raya Umum ke 14. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3): 66-77, 2016

institusi CLC kemudiannya membudayakan politik integrasi antara parti-parti pelbagai etnik yang mana antara salah satu prinsip utamanya ialah mengutamakan perkongsian kuasa, perundingan dan konsensus [1].

#### *Evolusi Politik Integrasi Dalam Kalangan Parti Pemerintah:*

Semasa Pilihan Raya Umum pertama peringkat Persekutuan yang diadakan semasa Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran British pada tahun 1955, Parti Perikatan diterima dengan baik oleh pengundi apabila berjaya menang sebanyak 51 daripada 52 kerusi [2]. Pencapaian Parti Perikatan yang memberansangkan dalam PRU tahun 1955 itu telah menjadi asas kepada integrasi yang lebih baik, iaitu pembentukan Kerajaan Perikatan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Semasa PRU ke 3 (Mei 1969), Parti Perikatan mula menampakkan kelemahannya apabila gagal mendapat kemenangan dua pertiga kerusi parlimen. Perkara ini berlaku berikutan keresahan pengundi pada masa itu. Pengundi Melayu merasakan UMNO tidak melakukan usaha yang sepatutnya untuk meningkatkan status sosioekonomi masyarakat Melayu. Pengundi Cina tidak puas hati dengan parti MCA yang dirasakan gagal melindungi kepentingan politik dan budaya komuniti Cina. Dua kumpulan etnik terbesar di Malaysia ini memilih untuk memberikan undi mereka kepada lawan parti Perikatan ketika itu. Pengundi Melayu memilih untuk mengundi Parti Islam Se-Menanjung (kemudian Se-Malaysia, PAS) dan pengundi Cina beralih kepada Democratic Action Party (DAP). Walaupun Parti Perikatan masih menang dengan majoriti mudah pada peringkat Persekutuan, tetapi pada peringkat negeri Selangor, Parti Perikatan gagal menubuhkan kerajaan kerana ketiadaan majoriti yang jelas [3]. Keputusan PRU3 telah mencetuskan rusuhan etnik pada 13 Mei 1969 dan negara berada di bawah perintah darurat di mana Majlis Keselamatan Negara (MAGERAN) telah mengambil alih pentadbiran negara dan parlimen terpaksa digantung sehinggalah pada tahun 1971. Berikutan itu juga, pada tahun 1971, perubahan kepimpinan berlaku dalam parti UMNO apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj digantikan oleh timbalannya iaitu Tun Abdul Razak Husein. Di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak, beberapa tindakan drastik telah dilakukan untuk memperkukuhkan kembali hubungan etnik. Antaranya ialah dengan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamat untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Dalam konteks politik, Tun Abdul Razak menstrukturkan semula Perikatan dengan mengajak parti-parti pembangkang seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Parti Progresif Rakyat (PPP) dan parti-parti utama di Sabah dan Sarawak untuk menyertai gabungan parti baru yang dikenali sebagai Barisan Nasional (BN). Namun begitu, DAP membuat keputusan untuk tidak menyertai BN [4]. Pada tahun 1978, berikutan krisis yang berlaku di Kelantan, PAS kemudiannya membuat keputusan meninggalkan BN [5]. Semenjak tahun 1990, PAS berjaya memerintah negeri Kelantan.

Di Kuala Lumpur pula, BN hanya menang sebanyak dua kerusi daripada 12 kerusi parlimen, iaitu di Setia Wangsa dan Putrajaya. Kuala Lumpur hanya mempunyai kerusi parlimen dan tidak mempunyai kerusi DUN. Jika tidak sudah pasti Kuala Lumpur juga diperintah oleh Pakatan Rakyat (PR). Berikutan dengan kemerosotan pencapaian semasa PRU12, beberapa langkah drastik telah diambil oleh BN pada peringkat pusat. Antaranya ialah pertukaran Perdana Menteri daripada Abdullah Hj Ahmad Badawi kepada Najib Razak pada tahun 2009. Najib Razak walaupun tidak mempunyai mandat PRU, tidak teragak-agak untuk mengadakan beberapa siri transformasi seperti Rancangan Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Transformasi Ekonomi (ETP) dan konsep 'satu Malaysia: pencapaian diutamakan dan rakyat didahulukan' sebagai persediaan untuk menghadapi PRU13.

Namun begitu, PRU13 sekali lagi menyaksikan penguasaan dua pertiga kerusi di parlimen sudah menjadi 'suatu kenangan' atau sukar untuk direalisasikan. BN hanya menang sebanyak 133 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan (merosot sebanyak 7 kerusi berbanding dengan PRU12). Berbanding dengan parti komponen yang lain, UMNO berjaya menambah kemenangan kerusi daripada 79 kerusi (PRU12) kepada 109 kerusi (PRU13) dan kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 244 kepada 239. Selain terus berkuasa pada peringkat pusat, BN berjaya menawan kembali Negeri Kedah daripada pembangkang. Di Negeri Perak, BN terus kekal berkuasa selepas PRU13. PRU13 merupakan peristiwa yang dinantikan oleh banyak pihak kerana sekurang-kurangnya dua sebab seperti berikut: 1) PRU13 adalah yang pertama disertai oleh Anwar Ibrahim selepas beliau dibebaskan daripada penjara pada tahun 2006, dan 2) gabungan parti-parti pembangkang yang dikenali sebagai PR yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim mendapat sambutan daripada pengundi seperti dibuktikan menerusi PRU12 dan PRU13. Kerjasama yang ditunjukkan oleh pemimpin PR menjadikan mereka berpotensi untuk berkuasa dan membentuk kerajaan pada peringkat pusat selepas PRU13. PR kelihatan begitu yakin bahawa mereka akan menguasai Putrajaya selepas PRU13. Keyakinan tersebut adalah diasaskan kepada isu-isu nasional seperti kenaikan kos sara hidup, kenaikan harga bahan api, peningkatan kadar jenayah dan kadar pengangguran yang agak tinggi. Selain itu, golongan muda yang semakin canggih dalam mendapatkan maklumat dengan menggunakan media sosial didapati semakin tidak puas hati dengan isu-isu tadbir urus yang banyak diperkatakan semenjak PRU12 lagi tapi gagal ditangani oleh BN. Walaupun diasak daripada setiap penjujur oleh PR, Savaranamuttu [6] menyatakan bahawa BN masih bertahan kerana mengamalkan politik perkongsian kuasa atau integrasi. Selain itu, PR juga gagal menembusi kawasan luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak. PR juga melaksanakan proses integrasi, tetapi hanya terhad di Semenanjung Malaysia

sahaja. Itupun hanya berlaku pada peringkat Negeri Pulau Pinang dan Selangor sahaja. Di Kedah dan Kelantan, PAS boleh memerintah bersendirian tanpa DAP dan PKR.

BN melaksanakan tiga integrasi peringkat wilayah seperti berikut: 1) komponen parti utama di Semenanjung diperuntukkan kerusi parlimen seperti 105 bagi UMNO, 60 kerusi bagi MCA, MIC, Gerakan dan PPP yang mana jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 165 kerusi; 2) di Sabah, lima komponen BN iaitu UMNO diperuntukkan sebanyak 15 kerusi dan 11 kerusi lagi untuk dibahagikan antara PBS, UPKO, SAPP dan LDP yang jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 26 kerusi parlimen; dan 3) di Sarawak pula lima komponen utama BN di mana 14 kerusi diperuntukkan kepada PBB dan 17 kerusi lagi dibahagikan antara SUPP, SPDP, PBRs dan PRS yang mana keseluruhannya berjumlah 31 kerusi. Jika dijumlahkan semua tiga jenis integrasi wilayah yang dipraktik oleh Barisan Nasional, keseluruhan kerusi parlimen yang mereka tandangi semasa PRU13 ialah sebanyak 222 (lihat jadual 1).

**Jadual 1:** Integrasi politik dan prestasi parti-parti bertanding semasa PRU13

Parti	Jumlah kerusi Parlimen	
BARISAN NASIONAL (133 kerusi)	UMNO	88
	MCA	7
	MIC	4
	GERAKAN	1
	PBB	14
	SUPP	1
	PRS	6
	SPDP	4
	PBS	4
	PBRs	1
PAKATAN PEMBANGKANG (89 kerusi)	UPKO	3
	DAP	38
	PKR	21
	PAS	30

Jadual 2 di bawah menunjukkan bilangan ahli parlimen daripada BN dan bilangan anggota kabinet mengikut parti-parti komponen BN selepas PRU13. Jika dilihat dalam jadual tersebut, MCA, GERAKAN, SAPP, SPDP dan LDP tidak dilantik menganggotai Kabinet. Dalam kes MCA, parti itu sendiri meminta mereka tidak diberikan kerusi kabinet memandangkan kepercayaan masyarakat Cina terhadap MCA masih rendah. Namun begitu, MCA dan GERAKAN diberi tempat semula selepas rombakan kecil kabinet dilakukan pada Julai 2015.

**Jadual 2:** Integrasi BN Peringkat Keanggotaan Kabinet

BILANGAN AHLI PARLIMEN BN DAN ANGGOTA KABINET BN SELEPAS PRU MEI 13		
Parti	Bilangan Ahli Parlimen	Bilangan Anggota Kabinet
UMNO	88	19
MCA	7	-
MIC	4	2
Gerakan	1	-
PBB	14	3
PRS	6	1
SUPP	1	1
SPDP	4	-
PBS	4	1
UPKO	3	1
SAPP	-	-
PBRs	1	1
LDP	-	-
Jumlah	133	29 (3 senator)

#### *Integrasi Dalam Kalangan Parti Pembangkang:*

Percubaan pertama parti-parti pembangkang di Malaysia membentuk integrasi yang seakan sama bentuk dengan BN dilakukan pada PRU8 (1990). Berikutan pertandingan dalam pemilihan parti UMNO pada tahun 1987, 'team B' yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah menubuhkan parti baru iaitu, Parti Semangat 46 (S46). Parti S46 menubuhkan gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai Gagasan Rakyat. Gagasan Rakyat terdiri daripada parti S46, DAP, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Indian Progressive Front (IPF) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang meninggalkan BN menjelang saat-saat akhir PRU8. Jika diperhatikan Gagasan Rakyat dari segi kepimpinan dan keanggotaannya, didapati bahawa ianya merupakan refleksi kepada integrasi BN di mana Parti S46 bertindak seperti UMNO yang mewakili etnik Melayu, DAP mewakili etnik Cina seperti MCA, PSRM mewakili pelbagai kaum seperti parti GERAKAN, IPF bagi mewakili pengundi India dan PBS mewakili etnik Kadazan-Dusun di Sabah. Namun begitu, Parti S46 gagal memujuk salah satu parti

pembangkok Melayu yang terbesar dan berpengaruh di Pantai Timur Semenanjung, iaitu PAS untuk terlibat sama menganggotai Gagasan Rakyat.

PAS yang berideologikan Islam dan berhasrat menubuhkan Negara Islam dan melaksanakan Undang-undang Syariah Islam atau Hudud, tidak dapat bekerjasama dengan DAP yang secara terang menentang konsep Negara Islam. Sehubungan dengan itu, Parti S46 menubuhkan satu lagi gabungan iaitu Angkatan Perpaduan Ummah. Keanggotaan Angkatan Perpaduan Ummah terdiri daripada Parti S46, PAS, HAMIM dan BERJASA. Dua parti yang terakhir itu asalnya adalah serpihan daripada PAS dan kedua-duanya hanya aktif di Pantai Timur Semenanjung, khasnya Kelantan. Gagasan Rakyat yang bertanding dikecualikan kerusi di sebelah Pantai Barat Semenanjung dan Sabah tidak menunjukkan pencapaian yang baik, bahkan boleh dikatakan ditolak oleh pengundi, khususnya pengundi Melayu semasa PRU 1990 ke 8 dan PRU9 (1995). Sementara itu, Angkatan Perpaduan Ummah yang didokong oleh PAS berjaya memenangi hati pengundi-pengundi Melayu di Pantai Timur Semenanjung, khususnya di negeri Kelantan.

Angkatan Perpaduan Ummah berjaya menawan Negeri Kelantan semasa PRU8 dan kekal berkuasa selepas PRU9. Semasa PRU8, Angkatan Perpaduan Ummah berjaya memenangi sebanyak 39 kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan di mana 24 kerusi dimenangi oleh PAS dan 15 kerusi dimenangi oleh Parti S46 semasa. Keputusan PRU8 di Negeri Kelantan menjadikan Parti S46 tidak dominan dan hanya memainkan peranan yang minimum sahaja kerana bilangan kerusinya lebih kecil berbanding dengan bilangan kerusi PAS. Kuasa dominan berada di tangan PAS, kerusi Menteri Besar diserahkan kepada PAS dengan Murshidul Am PAS, iaitu Nik Aziz Nik Mat dilantik sebagai Menteri Besar. Angkatan Perpaduan Ummah tidak boleh disifatkan sebagai memenuhi ciri-ciri integrasi parti memandangkan keanggotaan Angkatan Perpaduan Ummah sebenarnya hanyalah mewakili satu kumpulan etnik sahaja, iaitu pengundi Melayu.

Dari segi geografi, Angkatan Perpaduan Ummah tidak bertanding bagi keseluruhan kerusi di Malaysia tetapi hanya memberi tumpuan di negeri majoriti etnik Melayu, seperti di Negeri Kelantan. Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah akhirnya berkubur selepas PRU9 apabila Tengku Razaleigh Hamzah membuat keputusan membubarkan Parti S46 dan menyertai semula UMNO. Lebih kurang 20 tahun selepas krisis dalaman UMNO 1987 sehingga memunculkan Parti S46, krisis kepimpinan berulang kembali yang berlaku dalam UMNO pada tahun 1998. Kali ini krisis bermula dengan penyingkiran Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia oleh Dr Mahathir Mohamed yang menjadi Perdana Menteri pada masa itu. Berikutan dengan pergolakan tersebut, gerakan reformasi dilancarkan oleh pengikut-pengikut Anwar Ibrahim dengan mengadakan siri-siri demonstrasi jalanan untuk mendesak Mahathir berundur daripada menjadi Perdana Menteri. Reformasi membuka ruang dan peluang kepada parti pembangkang untuk mewujudkan integrasi menjelang PRU10 (1999). Sebelum itu, pengikut Anwar Ibrahim menubuhkan Parti KeAdilan Nasional (PKN) sebagai persediaan untuk menyertai PRU10. Dengan mengambil kira pengalaman Parti S46 pada awal tahun 1990an, PKN mengambil inisiatif mengintegrasikan parti pembangkang Melayu iaitu PAS dan parti pembangkang yang mewakili kumpulan pengundi Cina, iaitu DAP dalam satu platform yang dinamakan sebagai Barisan Alternatif (BA). Satu lagi keanggotaan BA tetapi tidak begitu signifikan ialah penyertaan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang kemudiannya bergabung dengan PKN dan menukar nama PKN kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR).

BA melangkaui pencapaian Gagasan Rakyat kerana adanya penyertaan PAS yang berjaya menarik sokongan sejumlah besar pengundi Melayu yang tidak puas hati terhadap cara UMNO membuang dan memenjarakan Anwar Ibrahim. Penyertaan DAP membolehkan BA meraih undi daripada pengundi Cina, sementara sifat multi etnik parti PKR itu sendiri yang merupakan satu entiti politik yang baru membolehkan BA berpotensi bertindak sebagai alternatif kepada BN dalam PRU10. BA menang sebanyak 42 kerusi parlimen semasa PRU10. Satu pencapaian yang agak baik berbanding dengan pencapaian Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah yang menang sebanyak 27 kerusi sahaja semasa PRU8. Keputusan PRU10 menyaksikan PAS muncul sebagai pemenang utama apabila mereka menang sebanyak 27 kerusi parlimen, DAP menang sebanyak 10 kerusi dan PKN hanya memperolehi 5 kerusi parlimen. Keputusan PRU10 membolehkan PAS berkuasa di Negeri Terengganu dan buat pertama kali dalam sejarah politik Malaysia diberi amanah menggalas jawatan selaku Ketua Pembangkang di Parlimen, iaitu semasa Fadzil Noor menjadi Presiden.

Negeri Kelantan yang berjaya dimenangi semenjak PRU8 terus kekal berada di tangan PAS selepas PRU10. Di Negeri Kedah, PAS berjaya memenangi satu pertiga daripada kerusi DUN. Walaupun BN masih berjaya kekal berkuasa dengan memenangi majoriti kerusi Dewan Undangan Negeri (UMNO 16, MCA 2) tetapi dari segi kerusi parlimen, PAS berjaya memenangi sebanyak 8 daripada 15 kerusi parlimen di negeri tersebut. Oleh kerana penguasaan PAS di negeri-negeri yang terdiri daripada majoriti Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah, konsep integrasi seperti perkongsian kuasa dalam BA langsung tidak berlaku. Hanya PAS dilihat mendapat banyak keuntungan dalam PRU10. Di Kelantan dan Terengganu, PAS memerintah tanpa penyertaan daripada parti-parti komponen BA lain seperti PKN dan DAP. Apabila PAS Terengganu memutuskan untuk memperkenalkan Undang-undang Jenayah Islam atau Hudud di negeri tersebut, DAP mengambil keputusan untuk meninggalkan BA pada bulan September 2001. Tindakan DAP meninggalkan BA kerana PAS mahu melaksanakan Undang-undang Islam agak memmeranjatkan kerana semenjak tahun 1993 PAS telah meluluskan

pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan PAS tidak pernah menarik kembali kelulusan tersebut walaupun mereka menyertai BA pada tahun 1999. DAP dalam rangka untuk memenangi hati pengundi Cina, khususnya bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri Sarawak (2002) telah menggunakan isu Hudud bagi memancing undi pengundi Cina tanpa mengambil kira kestabilan integrasi pakatan pembangkang.

Seterusnya bagi tempoh antara tahun 2001 hingga 2008, BA secara teorinya masih wujud kerana PKN dan PAS tidak pernah membubarkan BA secara rasmi. Meskipun begitu, amalan integrasi dalam BA tidak berlaku kerana mereka tidak memerintah mana-mana negeri kecuali PAS yang memerintah Kelantan dan Terengganu secara sendiri (selepas PRU10). Dalam usaha untuk mencabar dominasi BN menjelang PRU12, kerjasama elektoral (supaya tidak meletakkan calon di kerusi yang sama bila berhadapan dengan BN) telah diadakan antara BA dan parti DAP [7]. Keputusan PRU12 menunjukkan strategi tersebut membuahkan hasil apabila parti-parti pembangkang berjaya menafikan pencapaian dua pertiga kerusi parlimen yang sentiasa dinikmati oleh BN selama ini. Berbeza dengan pencapaian semasa PRU10, keputusan PRU12 menunjukkan PKR, PAS dan DAP mempunyai kekuatan yang hampir sama dan ini dapat dilihat menerusi bilangan kerusi parlimen yang dimenangi iaitu masing-masing 31, 23 dan 28 kerusi. Ketiga-tiga parti tersebut menguasai secara majoriti kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan. Kombinasi bilangan kerusi yang dimenangi pada peringkat Dewan Undangan Negeri di antara ketiga-tiga parti pembangkang utama itu membolehkan mereka menubuhkan kerajaan negeri seperti di Kedah, Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Sebelum PRU12, DAP tidak menjadi anggota BA selepas mereka menarik diri pada tahun 2001. Berikutan keputusan PRU12 yang memberangsangkan di beberapa buat negeri, DAP bersetuju menjalinkan kerjasama semula dengan PKR dan PAS dalam gabungan yang dikenali sebagai PR dan menubuhkan kerajaan negeri atas nama kerajaan PR. Keputusan PRU12 dan PRU13 (2013) menunjukkan pencapaian parti-parti komponen PR agak seimbang (lihat jadual 2.2). Semasa PRU12, parti DAP, PAS dan PKR masing-masing menang sebanyak 28, 23 dan 31 kerusi parlimen. Semasa PRU13, kerusi DAP meningkat sedikit kepada 38, sementara PAS dan PKR masing-masing menang sebanyak 21 dan 30 kerusi. Kedudukan kerusi parlimen yang agak seimbang dan mewakili hampir kesemua kumpulan etnik utama di Malaysia seperti Melayu diwakili oleh PAS, Cina diwakili oleh DAP dan India diwakili oleh PKR (juga mewakili Melayu dan Cina) menunjukkan PR mencerminkan model integrasi BN.

**Jadual 3:** Integrasi Parti Pembangkang dan Bilangan Kerusi Parlimen Dimenangi PRU6 dan PRU13

PRU	PRESTASI PARTI PEMBANGKANG: INTEGRASI VS PENGASINGAN (PRU6 – PRU13)		
	DAP	PAS	PKN/PKR
1982	9	5	-
1986	24	1	-
1990	20	7	-
1995	9	7	-
1999	10	27	5
2004	12	7	1
2008	28	23	31
2013	38	21	30

Jadual 3 di bawah menunjukkan pencapaian parti-parti pembangkang semasa PRU6 (1982) hingga PRU13. Dapat diperhatikan bila mereka tidak bekerjasama seperti dalam PRU6, pencapaian PAS hanya 5 kerusi parlimen sahaja dan DAP pernah mendapat sebanyak 24 kerusi parlimen (PRU7). Tetapi apabila mereka bekerjasama seperti dalam PRU10, PRU12 dan PRU13, pencapaian parti-parti pembangkang melonjak dengan ketara. PAS misalnya melonjak kepada 27 kerusi (pencapaian terbaik setakat ini) semasa PRU10 dan menurun sedikit kepada 23 (PRU12) dan 21 (PRU13). DAP melonjak dengan begitu ketara semasa PRU12 dan PRU13 dengan kemenangan 28 dan 38 kerusi parlimen.

PKR pula melonjak daripada 1 kerusi semasa PRU11 kepada 31 dan 30 kerusi semasa PRU12 dan PRU13. Jelas dapat diperhatikan bahawa semasa PRU11 di mana DAP meninggalkan BA, pencapaian PKR hanya satu kerusi sahaja dan PAS sebanyak 7 kerusi. Hanya DAP yang dapat menambah bilangan kerusi mereka semasa PRU 11 kepada 12 kerusi, iaitu peningkatan sebanyak 2 kerusi jika dibandingkan dengan PRU10. Ini membuktikan politik integrasi menguntungkan pembangkang dan ketiadaan integrasi antara parti-parti utama pembangkang seperti terjadi dalam PRU11 melemahkan hampir kesemua parti pembangkang. Semasa PRU12 dan PRU13, konsep integrasi dan perkongsian kuasa kelihatan amat jelas dalam pakatan pembangkang khususnya pada peringkat negeri yang mereka menang. Contohnya seperti di Negeri Selangor, Perak (sebelum 2009), Pulau Pinang dan Kedah (sebelum jatuh semula ke tangan BN semasa PRU13). Di Selangor misalnya, keputusan PRU12 menunjukkan PR buat pertama kali dalam sejarah negara ini telah berjaya menang sebanyak 36 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri, di mana PKR menang sebanyak 15 kerusi, DAP sebanyak 13 kerusi dan PAS sebanyak 8 kerusi. PR sebagai satu platform politik mempraktikkan konsep integrasi menerusi pembahagian kerusi exco negeri. PKR diperuntukkan sebanyak 5 orang (termasuk Menteri Besar), DAP dan PAS masing-masing 3 orang.

Selepas PRU13, pencapaian PR semakin bertambah baik apabila mereka berjaya menang sebanyak 44 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Selangor. Daripada 44 kerusi Dewan Undangan Negeri itu, PKR menang sebanyak 14 kerusi, DAP dan PAS masing-masing 15 kerusi. Dari segi pembahagian kerusi exco selepas PRU13, PKR diperuntukkan sebanyak 4 orang (termasuk Menteri Besar), DAP sebanyak 3 orang dan PAS sebanyak 4 orang. Namun begitu, selepas krisis yang berlaku dalam PR pada September 2014 sehingga melahirkan Pakatan Harapan (PH) setahun selepas itu (September 2015), kedudukan kerusi exco adalah seperti berikut: PKR 5 orang (termasuk Menteri Besar), DAP dan PAS masing-masing 3 orang. Perjalanan proses politik elektoral seperti digambarkan di atas menunjukkan parti-parti politik di Malaysia berhempas pulas untuk mewujudkan integrasi parti, mengekalkan integrasi parti dan mengurus integrasi parti dalam usaha untuk berkuasa. Parti yang dapat mewujudkan lebih banyak integrasi seperti BN terbukti dapat berkuasa pada peringkat pusat dan mempertahankan kuasa daripada awal PRU diperkenalkan hingga kini. Sementara itu parti-parti pembangkang yang mula menyedari perkara ini semenjak PRU8 (1990) mula bergerak ke arah menjalinkan kerjasama dan integrasi politik sesama mereka. Jika dibandingkan dengan perjalanan sejarah BN, integrasi dalam kalangan parti pembangkang agak tidak konsisten dan tidak bertahan lama. Perkara ini dapat dilihat menerusi perjalanan Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah (dua gabungan dalam satu masa), BA, PR dan kini PH (wujud beriringan dengan PR). Betapa pentingnya mewujudkan integrasi parti juga jelas dapat dilihat menerusi tindakan terbaharu DAP yang menubuhkan PH bersama PAN dan PKR. Kenapa DAP perlu bergabung? Kenapa DAP tidak bertanding bersendirian? Dan keputusan DAP memasukkan PAN dalam PH jelas menunjukkan DAP faham akan hakikat 'politik etnik' dan 'agama' sangat penting dalam lanskap politik elektoral di Malaysia. PAN dilihat oleh DAP dapat menarik pengundi Melayu dan Islam, sama seperti peranan yang dimainkan oleh PAS dalam PR semasa PRU12 dan PRU13.

#### *Sistem Parti Dan Pola Pengundian Di Malaysia:*

Kajian perilaku pengundi merupakan bidang yang agak baharu mendapat perhatian di Malaysia. Ini adalah kerana sebelum PRU8, BN tidak mempunyai saingan pada peringkat nasional. Oleh itu, tumpuan lebih diberikan terhadap perjalanan proses PRU di mana faktor etnisiti, agama dan isu-isu kempen semasa PRU itu sendiri menjadi fokus utama. Penyelidikan dan penerbitan mengenai PRU dan Pilihan Raya Kecil sentiasa dilakukan tetapi fokusnya tertumpu kepada analisa keputusan, pencapaian parti-parti bertanding, isu kempen, calon dan sebagainya. Analisa terhadap perilaku pengundi itu sendiri agak jarang dilakukan sehinggalah selepas PRU8 apabila muncul Gagasan Rakyat dan dalam masa yang sama Angkatan Perpaduan Ummah, PRU10 apabila wujud BA hinggalah PRU12 dan PRU13 apabila tertubuhnya PR. Satu hakikat yang tidak diteliti dengan mendalam oleh pengkaji yang menonjolkan sifat parti politik di Malaysia yang diistilahkan sebagai 'kommunal' Ratnam (1965) ialah berkenaan dengan integrasi politik atau perkongsian kuasa seperti yang dipraktikkan oleh BN. Mengikut Saravanamuttu (2015) BN mampu bertahan sehingga PRU13 yang lalu kerana antara lain mereka melaksanakan konsep integrasi parti. Apakah kelebihan kepada parti yang mempraktikkan integrasi? Melihat kepada komposisi etnik dan kaitan penguasaan sesuatu kumpulan etnik mengikut kawasan seperti dibincangkan di atas, BN berupaya mendapat undi daripada hampir kesemua kumpulan etnik utama di negara ini, termasuk di Sabah dan Sarawak. UMNO yang mewakili masyarakat Melayu bertanding di kawasan luar bandar, komponen lain seperti MCA dan India masing-masing mewakili pengundi Cina dan India bertanding di kawasan bandar dan separa bandar. Sementara itu, komponen di Sabah dan Sarawak berjaya menarik sokongan pengundi yang bersifat multi etnik di sana. Oleh kerana parti-parti pembangkang seperti PAS dan DAP memperjuangkan ideologi yang agak ekstrim dan tidak berintegrasi, kebiasaannya mereka akan meletakkan calon di kawasan yang sama dan menjadikan persaingan tiga penjuru, iaitu antara BN, DAP dan PAS. Situasi persaingan tiga penjuru lazimnya memberi kelebihan kepada BN [8]. Inilah realiti percaturan politik elektoral di Malaysia semenjak PRU3 sehingga PRU7.

Berhadapan dengan parti pembangkang yang bertentangan ideologi dan tidak bersatu, terdapat juga kes seperti pengundian bersifat 'taktikal' diamalkan oleh pengundi di Malaysia. Pengundi 'taktikal' biasanya akan memastikan parti yang mereka tidak suka kalah dalam persaingan pilihan raya [9]. Sebagai contoh, pengundi Melayu yang tidak suka kepada PAS kerana cuba melaksanakan Hudud akan mengundi parti UMNO bagi memastikan PAS kalah. Krisis dan pergolakan yang dialami oleh UMNO semenjak 1998, skandal politik, isu-isu rasuah, nepotisme dan penglibatan mantan Perdana Menteri, iaitu Tun Mahathir sendiri mengkritik pentadbiran BN khasnya pada tahun 2007/08 dan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pantas memungkinkan parti-parti pembangkang mengadakan 'pakatan elektoral' untuk menghadapi BN. Apabila wujud semacam sistem dua parti, pengundi mula memberi pertimbangan yang berbeza dalam membuat keputusan untuk mengundi. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Syed Arabi Idid (2011), di antara tahun 2004-2008 para pengundi lebih memfokuskan kepada isu ekonomi, soal pembangunan dan kepimpinan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa 'sekiranya keadaan hidup dan keyakinan pengundi terhadap masa hadapan negara cukup kukuh, maka ia menjadi suatu yang menguntungkan parti yang memerintah' [10]. Kajian oleh Muhammad Asri (2013) menunjukkan kategori pengundi yang celik politik dan tidak terikat dengan parti bersetuju bahawa isu-isu tadbir urus sebelum PRU 2008 amat bermasalah. Kerajaan Pusat dilihat gagal membendung gejala rasuah,

nepotisme, peningkatan kadar jenayah dan kurang iltizam untuk melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan menjaga kepentingan masyarakat melayu. Selain itu, imej pimpinan parti, khasnya pemimpin pada peringkat nasional turut sama menyumbang sebagai penentu utama bagi kumpulan pengundi yang tidak minat mengikuti perkembangan politik dan kumpulan pengundi yang mengikuti perkembangan semasa atau celik politik [12]. Perkembangan pantas yang berlaku dalam teknologi maklumat seperti penggunaan internet dan telefon pintar membolehkan pengundi mendapat maklumat politik dengan hanya menekan butang. Perkembangan ini merencanakan perbincangan terhadap isu-isu politik dan perkongsian maklumat berlaku di alam maya, khususnya kepada pengundi-pengundi muda yang berusia antara 21 hingga 40 tahun. Kajian yang dilakukan oleh Jeniri Amir (2013) di Sarawak menunjukkan bahawa pengundi muda menjadi anti penyandang, khususnya apabila penyandang yang bertanding itu merupakan pemimpin yang telah terlalu lama memegang jawatan politik seperti wakil rakyat, anggota exco, ahli kabinet (pusat) dan Ketua Menteri. Ketua Menteri, iaitu Abdul Taib Mahmud yang telah berkuasa lebih 31 tahun dilihat sebagai beban politik kepada BN. Pengundi yang celik politik seperti pengundi bandar dan pengundi Cina, kecewa dan marah terhadap Taib yang dianggap mengamalkan kronisme dan nepotisme. Kemarahan dan kekecewaan tersebut diluahkan menerusi peti undi [13]. Namun begitu, bagi pengundi luar bandar, aspek pembangunan ekonomi memainkan peranan penting untuk memastikan kemenangan. Mengikut Ser Kuang Keng (2012) dan Junaidi *et. al.*, (2011), faktor peralihan dan peningkatan undi majoriti kepada BN dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor pada tahun 2011 adalah didorong oleh pelbagai bentuk janji pembangunan ekonomi oleh kerajaan pusat. Strategi BN menjanjikan projek Perumahan Warga FELDA bagi Gugusan Sungai Dusun, bantuan RM90,000 untuk Perkuburan Kwang Tung Ulu Yam selain pelbagai program pembangunan infrastruktur seperti kumbahan, perparitan, jalan dan tempat rekreasi telah mengimpak kepada pola pengundian yang cenderung terhadap BN [11].

#### *Isu-Isu Pra-PrU14 Di Kuala Lumpur:*

Selepas PRU3 (tahun 1969), mengikut Vasil (1972) kerajaan negeri Selangor tidak dapat ditubuhkan berikutan ketiadaan majoriti yang jelas. Bagi memastikan Selangor terus berada di bawah BN, kawasan yang menjadi majoriti pengundi Cina iaitu di Kuala Lumpur dipisahkan daripada negeri Selangor dan diletakkan di bawah Wilayah Persekutuan menerusi proses persempadanan semula pilihan raya yang diadakan pada tahun 1972. Pengundi Cina di Kuala Lumpur cenderung mengundi DAP dalam setiap kali PRU yang diadakan dalam dekad 70a, 80an dan 90an. Proses persempadanan semula yang dilakukan pada tahun-tahun berikutnya membolehkan UMNO bertapak di Kuala Lumpur. Semasa PRU12 (2008), BN hanya menang 1 kerusi (setiawangsa) sahaja daripada 11 kerusi parlimen yang dipertandingkan di Kuala Lumpur. Sebelum itu, iaitu semasa PRU11 (tahun 2004), BN menang sebanyak 7 daripada kerusi parlimen. Keputusan PRU13 memperlihatkan pencapaian BN di Kuala Lumpur meningkat kepada 2 kerusi daripada 12 kerusi parlimen. Dua kawasan parlimen yang dimenangi oleh BN itu ialah Setiawangsa dan Titiwangsa (lihat jadual 4). Sesuai dengan taraf pendidikan dan pekerjaan penduduk di kawasan bandar yang rata-rata terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi dan bekerja di sektor swasta, pengundi di kawasan bandar biasanya amat kritikal terhadap isu-isu nasional. Semasa kerja lapangan dilakukan, antaranya isu nasional yang banyak diperkatakan ialah seperti isu kenaikan harga barang, pelaksanaan GST, skandal 1MDB, derma RM2.6 billion, kritikan Tun Mahathir, kenaikan bayaran kadar tol, kenaikan tambang pengangkutan awam dan kebebasan bersuara. Tidak keterlaluan sekiranya diandaikan bahawa inilah antara isu-isu yang akan dimainkan oleh pembangkang di Kuala Lumpur menjelang PRU14 nanti. Sebahagian daripada isu di atas, seperti kenaikan harga barang dan kos hidup sebenarnya merupakan isu lama yang telah dimainkan oleh pembangkang secara berterusan semenjak PRU12 dan PRU13 yang lalu. Namun begitu, isu-isu tersebut masih laku kerana ianya gagal diselesaikan dan diberi penjelasan dengan menyakinkan oleh kerajaan BN.

**Jadual 4:** Etnik dan parti yang menang di Kuala Lumpur semenjak PRU10 (tahun 1999)

Kawasan Parlimen	Parti Menang			
	1999	2004	2008	2013
Kepong	DAP	DAP	DAP	DAP
Batu	GERAKAN	GERAKAN	PKR	PKR
Wangsa Maju	UMNO	UMNO	PKR	PKR
Segambut	GERAKAN	GERAKAN	DAP	DAP
Setiawangsa	-	UMNO	UMNO	UMNO
Titiwangsa	UMNO	UMNO	PAS	UMNO
Bukit Bintang	DAP	DAP	DAP	DAP
Lembah Pantai	UMNO	UMNO	PKR	PKR
Seputeh	DAP	DAP	DAP	DAP
Cheras	DAP	DAP	DAP	DAP
Bandar Tun Razak	MCA	MCA	PKR	PKR

Tambahan pula, serangan yang dilakukan secara berterusan ke atas kepimpinan Perdana Menteri terutama kegagalan tadbir urus seperti skandal 1MDB akan menyebabkan kepercayaan rakyat kepada BN semakin

merosot. Masalah krisis kepimpinan dalaman UMNO menjadi semakin teruk selepas isu pemecatan Muhyiddin Yassin daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Shafie Apdal daripada barisan kabinet baharu. Kedua-dua pemimpin UMNO ini disingkirkan daripada kabinet kerana mereka dilihat mempersoalkan isu 1MBD. Di pihak pembangkang, tahun 2014 dan 2015 juga menyaksikan pergolakan politik berlaku dalam gabungan parti itu hingga menyebabkan DAP meninggalkan PR. Ianya bermula dengan tindakan PKR memperkenalkan 'Langkah Kajang' pada September 2014. Langkah Kajang ialah proses Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kajang, di Selangor yang dikosongkan oleh seorang ADUN PKR dengan tujuan untuk memberi laluan kepada Dr. Wan Azizah bertanding, seterusnya menjadi wakil rakyat dan dicalonkan sebagai calon Menteri Besar bagi menggantikan Khalid Ibrahim yang merupakan Menteri Besar Selangor daripada parti PKR semenjak PRU12 lagi. Rancangan PKR tersebut gagal mendapat sokongan daripada komponen PR yang lain, iaitu PAS. PAS seterusnya mencalonkan nama Azmin Ali di samping nama Dr. Wan Azizah kepada pihak istana yang meminta PR menghantar lebih daripada satu nama sebagai calon Menteri Besar. PKR dan DAP didapati tetap dengan keputusan awal mereka yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Presiden PR untuk menghantar satu nama kepada pihak istana. Tindakan PAS mencalonkan dua nama calon Menteri Besar menyelesaikan krisis perlantikan Menteri Besar di Selangor apabila Sultan setuju memilih Azmin Ali sebagai Menteri Besar. Walau bagaimanapun, tindakan PAS tersebut tidak disenangi oleh kepimpinan DAP yang mahu melihat Dr. Wan Azizah sebagai Menteri Besar. Sehubungan dengan itu, PAS dituduh oleh DAP sebagai tidak mempunyai semangat setia kawan, 'flip-flop' dalam membuat keputusan. Seterusnya, DAP mengambil keputusan untuk meninggalkan PR apabila PAS membuat keputusan untuk membawa usul persendirian ke parlimen bagi membolehkan hukum Hudud dilaksanakan di Kelantan. Isu hukum Hudud telah lama tidak dimainkan oleh PAS tetapi ianya timbul semula selepas kematian Mursyidul Am parti itu, Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun 2013.


Selepas tewas semasa Muktamar PAS pada Julai 2015, beberapa orang pemimpin PAS yang diketuai oleh mantan Timbalan Presiden PAS, iaitu Hj. Mat Sabu membuat keputusan untuk menubuhkan Parti Amanah Negara (PAN). DAP yang dilihat memainkan peranan dalam membantu penubuhan PAN seterusnya berjaya memujuk PKR untuk menubuhkan sebuah gabungan baharu yang dikenali sebagai PH pada Oktober 2015. Pada peringkat awalnya, barisan kepimpinan PKR kelihatan bersetuju dengan rancangan DAP menubuhkan PH tanpa PAS. Namun begitu, tidak berapa lama selepas pengumuman penubuhan PH, beberapa orang pemimpin kanan PKR bangkit menyuarakan bantahan terhadap Presiden PKR. Semasa Kongres PKR pada bulan November 2015, usul daripada kumpulan Azmin Ali, iaitu Menteri Besar Selangor dan juga memerangkap Timbalan Presiden PKR supaya PR kekalkan di Selangor diterima dan mendapat tepukan gemuruh daripada perwakilan PKR yang hadir. Berikutan keputusan Kongres PKR tersebut dan juga beberapa kenyataan media yang dikeluarkan pemimpin-pemimpin kanan PKR, PR dan PH kelihatannya wujud secara beriringan seperti Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah di awal tahun 1990an. Memandangkan gaya kepimpinan Dr. Wan Azizah yang begitu lemah, PH dilihat lebih mengikut telunjuk DAP. Ketiadaan PAS dalam pakatan pembangkang menyebabkan ada pihak berpendapat bahawa PRU14 akan menjadi PRU di mana Parti Melayu (BN yang dipimpin oleh UMNO) melawan parti Cina (PH yang dipimpin oleh DAP). Sekiranya perkara ini berlaku maka Malaysia akan memasuki fasa dalam hubungan etnik yang amat tidak sihat. Sebarang pergaduhan kecil akan dikaitkan dengan pergaduhan etnik seperti yang berlaku dalam kes Plaza Low Yat pada tahun 2015. Kecenderungan ke arah etnisiti yang negatif telah berlaku semasa demonstrasi anjuran BERSIH pada 29 dan 30 Ogos 2015 yang diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Majoriti para peserta demonstrasi tersebut terdiri daripada belia Cina. Tidak lama selepas itu, perhimpunan kumpulan 'Baju Merah' yang terdiri pada kumpulan-kumpulan silat Melayu dan pemimpin UMNO diadakan pada awal bulan Oktober 2015. Semua perkembangan ini memperlihatkan Malaysia masih dibelenggu oleh politik bersifat etnik.

#### *Jangkaan Pola Pengundian Di Kuala Lumpur Pra-PrU14:*

Keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah sebanyak 141 orang responden yang merupakan pemimpin masyarakat seperti pengerusi dan ahli jawatankuasa persatuan penduduk, pengerusi persatuan belia dan semuanya terdiri daripada pengundi berdaftar. Data-data dalam kajian ini dikutip semasa kerja lapangan di lima kawasan iaitu Parlimen Titiwangsa, Parlimen Wangsa Maju, Parlimen Lembah Pantai, Parlimen Seputeh dan Parlimen Cheras. Bilangan sampel dalam kajian ini bukanlah untuk mewakili populasi pengundi di Kuala Lumpur tetapi lebih kepada untuk melihat elemen-elemen demografi seperti jantina, umur, tahap pendidikan, sektor pekerjaan dan pendapatan yang mempunyai persamaan karakteristik dan menggambarkan profil pengundi Kuala Lumpur.

#### *Persepsi Terhadap Keadaan Ekonomi:*






**Rajah. 1:** Persepsi Terhadap Keadaan Ekonomi di Kuala Lumpur

Rajah 1 di sebelah menunjukkan persepsi responden terhadap keadaan ekonomi pada tahun ini dan jangkaan pada tahun hadapan. Didapati bahawa bagi keadaan ekonomi pada tahun ini, majoriti responden iaitu sebanyak 93.4 peratus berpendapat keadaan ekonomi Malaysia berada dalam keadaan teruk. Seterusnya, majoriti sebanyak 70.4 peratus responden menyatakan ekonomi keluarga mereka berada dalam keadaan teruk. Secara umumnya, keadaan ekonomi negara dan keluarga berada dalam keadaan tidak baik. Bila diajukan soalan jangkaan ekonomi Malaysia pada tahun hadapan, majoriti responden iaitu sebanyak 81.6 peratus responden menyatakan teruk, bagi keadaan ekonomi keluarga pada tahun hadapan pula didapati majoriti 69.6 peratus mengatakan teruk. Ringkasnya responden agak pesimistik mengenai keadaan ekonomi negara dan keluarga pada tahun hadapan. Persepsi amat tidak baik untuk BN kerana kemarahan pengundi terhadap keadaan ekonomi secara lazimnya menyebabkan ia diterjemahkan dengan memberi undi yang anti kerajaan pusat.


#### *Persepsi Terhadap Prestasi Dan Tadbir Urus Kerajaan Pusat:*

Rajah 2 menunjukkan persepsi responden terhadap prestasi kerajaan pusat. Didapati bahawa majoriti sebanyak 84.2 peratus responden menyatakan prestasi kerajaan pusat tidak berkesan. Kerajaan pusat dilihat gagal menyelesaikan masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat, iaitu mewujudkan persekitaran ekonomi yang baik, memastikan kos hidup tidak tinggi, kenaikan harga barangan dapat di kawal dan tambang pengangkutan awam tidak dinaikkan.

Rajah 3 menunjukkan penilaian responden terhadap isu-isu tadbir urus dan isu semasa pada peringkat nasional. Didapati bahawa majoriti responden tidak puas hati dengan isu pelaksanaan GST (95 peratus), kejatuhan nilai ringgit (95 peratus), kenaikan harga barang (92 peratus), rasuah (85.6 peratus), jenayah (84.2), buruh asing (82.7 peratus), perpaduan kaum (79.9 peratus), peluang pekerjaan (78.4), masalah jerubu (64 peratus) dan rumah mampu milik (58.3 peratus). Jika dibandingkan penemuan ini dengan penemuan di Negeri Selangor, didapati bahawa majoriti pengundi meletakkan isu GST, kenaikan harga dan kejatuhan nilai ringgit sebagai masalah utama. Kenaikan harga barang ialah isu lanjutan semenjak PRU12 lagi, tetapi GST dan penurunan nilai ringgit merupakan isu baru yang berlaku pada thun 2015. Ketiga-tiga ini dekat dengan hati dan pemikiran pengundi di kawasan bandar yang terpaksa berhadapan dengan penurunan kuasa beli atau inflasi dalam pendapatan mereka. Jika dibiarkan tanpa ada sebarang jalan keluar sehingga PRU14 kelak, penyandang pada peringkat nasional, iaitu kerajaan BN sudah tentu tidak dapat menawan kembali kerusi-kerusi parlimen di kawasan bandar, khususnya di Kuala Lumpur.




**Rajah. 2:** Prestasi Kerajaan Pusat




**Rajah. 3:** Isu-isu Tadbir Urus Peringkat Negara

*Perasaan Terhadap Pemimpin Negara:*

Rajah 4 menunjukkan perasaan responden apabila diminta untuk menyatakan perasaan (suka atau tidak suka) terhadap barisan kepimpinan negara dari pelbagai parti-parti politik utama. Didapati responden tidak mempunyai pemimpin yang benar-benar menjadi kesukaan mereka apabila penemuan kajian menunjukkan tidak terdapat pemimpin melebihi 51 peratus di Kuala Lumpur. Yang hampir disukai oleh semua ialah Abdul Hadi Awang daripada parti PAS iaitu sebanyak 50.7 peratus. Data yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan bahawa sikap pengundi di Kuala Lumpur terhadap BN dan pemimpin BN tidak impressif semenjak PRU12 lagi.



**Rajah. 4:** Perasaan Terhadap Pemimpin Negara



**Rajah. 5:** Parti Yang Akan Diundi ke Parlimen Dalam PRU14


*Parti Yang Akan Di Undi Semasa Pru14:*

Rajah 5 menunjukkan reaksi responden terhadap parti yang akan mereka undi pada peringkat parlimen semasa PRU14. Didapati bahawa majoriti sebanyak 55.2 peratus pengundi masih belum membuat keputusan. Peratusan ini didapati lebih besar jika dibandingkan dengan responden di Selangor, iaitu sebanyak 42.7 peratus. Memang menjadi kelaziman, khasnya bagi pengundi di kawasan bandar yang sebahagian besarnya tidak mengidentifikasikan diri mereka dengan mana-mana parti, keputusan terhadap parti mana yang akan disokong biasanya dilakukan pada saat-saat akhir menjelang PRU (Dalton, 2012). Bagi yang telah membuat keputusan, didapati hampir satu pertiga responden menyatakan mereka akan mengundi PH (36 peratus). BN menduduki tangga tercorot, iaitu sebanyak 3.7 peratus. Jika dibandingkan dengan responden Selangor, didapati BN

Selangor ada peluang lebih baik sedikit apabila sebanyak 18.6 peratus responden di Selangor mengatakan akan mengundi BN, berbanding dengan responden di Kuala Lumpur yang hanya 3.7 peratus.

#### *Pilihan Parti Mengikut Etnik:*

Rajah 6 di bawah menunjukkan pilihan parti yang akan diundi oleh responden mengikut etnik pada PRU14. Didapati bahawa majoriti 75 peratus pengundi bukan Melayu menyatakan mereka akan mengundi PH. Sementara itu, bagi kumpulan pengundi Melayu pula, majoriti 77.2 peratus menyatakan mereka tidak pasti atau belum membuat keputusan. Data ini menunjukkan pola pengundian yang berbeza mengikut kumpulan etnik di Kuala Lumpur di mana pengundi bukan Melayu kekal bersama pembangkang tetapi pengundi Melayu merasa tidak pasti kerana parti pembangkang khususnya di Kuala Lumpur didominasi oleh etnik bukan Melayu.



**Rajah. 6:** Pilihan Parti Mengikut Etnik

#### *Kesimpulan:*

Penemuan kajian di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa majoriti responden agak condong kepada pembangkang, iaitu PH. Perkembangan ini tidaklah mengejutkan kerana isu-isu nasional tidak memihak kepada Brisan Nasional. Perasaan tidak puas hati mengenai keadaan ekonomi, persepsi negatif terhadap prestasi kerajaan pusat, isu-isu tadbir urus dan imej pimpinan negara yang tidak begitu baik merupakan antara faktor yang menyumbang kepada perasaan anti penyandang di Kuala Lumpur. Namun begitu, data kajian menunjukkan bahawa pengundi, walaupun tidak puas hati dengan penyandang, pengundi Melayu khususnya tidak senang dengan polisi dan tindakan pembangkang yang dilihat suka berkelahi sesama sendiri dan peranan DAP yang semakin dominan dalam PH. Pengundi Melayu di Kuala Lumpur masih bernostalgia dengan peristiwa rusuhan etnik yang pernah berlaku di Kuala Lumpur pada tahun 1969 mungkin boleh berulang sekiranya PRU14 bertukar menjadi BN melawan DAP yang memimpin PH. Isu-isu politik di Kuala Lumpur memberi gambaran peranan pembangkang juga adalah amat penting dalam mewujudkan integrasi bagi masyarakat yang bersifat multi etnik. Dasar parti politik yang anti-integrasi menyebabkan politik etnik dan agama boleh menenggelamkan identiti bangsa Malaysia.

#### REFERENCES

1. Means, G.P., 1976. *Malaysian Politics*. London: Holder and Soughton.
2. Ratnam, K.J., 1965. *Communalism and political process in Malaya*. Singapore: University of Malaya Press.
3. Vasil, 1972. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant.
4. Mauzy, D.K., 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Mericans.
5. Crouch, H., 1996. *Government and society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
6. Saravanamutthu, J., 2015. Power sharing politics and the electoral impasse in GE 13. Dalam J. Saravanamutthu, Lee Hock Guan and Mojamed Nawab Mohamed Osman (Ed.). *Coalitions in Collision: Malaysia's 13<sup>th</sup> General Elections*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
7. Maznah Mohamad, 2008. Malaysia – democracy nad the end of ethnic politics? *Australian Journal of International Affairs*, 62(4): 441-459.
8. Crouch, H., 1986. Malaysia: Do Election Make a Difference? Dalam R. H. Taylor (Pynt.), *The politics of elections in Southeast Asia* (hlm. 114-135). Cambridge: Woodrow Wilson Center Press and Cambridge University Press.
9. Balasubramaniam, V., 2005. The politics of locality and temporality in the 2004 Malaysian parliamentary elections. *Contemporary Southeast Asia*, 27(1): 44-63.
10. Syed Arabi Idid, 2011. *Peranan Media Dalam Pilihan Raya Umum*. Selangor: IIUM Press.
11. Ser Kuang Keng, Kuek 2012. P94 Hulu Selangor, Selangor (April 17-25, 2010). Dalam. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Ed.). *Democracy at Stake? Examining 16 By-elections in Malaysia, 2008-2011*. hlm. 125 – 140. Petaling Jaya: SIRD.

12. Muhammad Asri Mohd Ali, 2013. Penentu Corak Perilaku Pengundi di Kalangan Pengundi Melayu: Kajian di Kawasan Parlimen Campuran di Semenanjung Malaysia. Tesis PhD (tidak diterbitkan) Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
13. Jeniri Amir, 2013. Politik Sarawak: Perspektif Penganalisis. Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak.